



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 27 NOVEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	ALLOCATION FOR PADDY INSUFFICIENT, SAYS MINISTER, ONLINE, THE MALAYSIAN RESERVE BELANJAWAN 2021 LULUS SEBULAT SUARA, NEGARA, KOSMO -3 PERUNTUK RM80J UNTUK TABUNG BENCANA PERTANIAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	JABATAN PERIKANAN PAHANG LEPAS BENIH IKAN DI 10 SUNGAI, JAGA SUNGAI KITA, BERITA HARIAN -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	TIGA KONTENA DAGING KERBAU SEJUK BEKU DARI INDIA DISITA, NEGERI PERAK/KEDAH/P.PINANG, SINAR HARIAN -30	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	PLATFORM DIGITAL BANTU USAHAWAN, BISNES, SINAR HARIAN -32	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	AGROBANK BIAYA RM1.3B BANTU PENGUSAHA MIKRO, NASIONAL, BERITA HARIAN -20	AGROBANK
8. 9.	NAFAS DILANTIK PEMBORONG TUNGGAL INSENTIF BENIH PADI, NASIONAL, BERITA HARIAN -20 DEWAN RAKYAT: NAFAS DILANTIK PEMBORONG TUNGGAL INSENTIF BENIH PADI	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
10.	FRESHWATER FISH LOVERS ENJOYING MOONSON WINDFALL, NEWS/NEWS IN BRIEF, NST -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2020	THE MALAYSIAN RESERVE	ONLINE	

## ALLOCATION FOR PADDY INSUFFICIENT, SAYS MINISTER



THE allocation for subsidies and incentives announced in Budget 2021 is insufficient to support the volume of paddy production that the country aims to produce next year. Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said for 2021, Malaysia targets to produce 1.9 million tonnes of paddy to reduce the country's dependency on imported rice.

However, the RM1.53 billion allocation for paddy will only support 1.64 million tonnes, a 30% shortfall from the targeted production, he said in his winding-up speech of Budget 2021 yesterday. "The Finance Ministry is aware of this shortfall, and we will ask for an extension in the funding for paddy production," he said.

During the budget tabling earlier this month, the government announced an allocation of RM960 million for the paddy production incentive and RM570 for price subsidy. "In total, the allocation for the ministry is 2% lower compared to the amount approved in the previous budget.

The allocation for operating expenditure was 7% lower due to the reduced emolument and asset expenditure. However, our development spending has increased by 11%. "Despite the reduced allocation, the ministry will ensure the agrofood sector will continue to operate and safeguard Malaysia's food security," he said.

Kiandee also said the National Farmers Organisation will be appointed as the custodian of paddy seed wholesale procurement under the Paddy Seed Incentive Programme and responsible for supplying quality paddy seeds to farmers. Recently, Kiandee said in a written reply to Dewan Rakyat that Padiberas Nasional Bhd's (Bernas) concession as the single gatekeeper for rice imports will be extended for another 10 years with improved and new terms.

He stated that the changes include an increase in the number of social obligations that Bernas has to meet, including increasing the volume of Malaysia's rice stockpiles. "The extension is important in protecting the strategic commodity especially rice which is a staple food for Malaysians. "Besides, the uncertainties in global economy due to the Covid-19 pandemic also becomes a foundation in ensuring food security in the country is continued to be given priority," he said in the reply.

Bernas — through the single gatekeeping mechanism (SGM) — was appointed as the guardian for the country's rice management to prevent a food crisis and be the buffer in the event of it. The local rice industry has been solely managed through the SGM for the past four decades to prevent excessive profiteering and ensure constant supplies. The government extended Bernas' concession in 2011 to manage the country's rice supply for 10 years. The current concession will end in January next year.

27/11/2020

KOSMO

NEGARA

3

8 juta pencarum KWSP boleh dikeluarkan RM10,000, moratorium automatik untuk B40

# Belanjawan 2021 lulus sebulat suara

Oleh ZULKIFLI MANZOR, LUQMAN RICHWAN MOHD. NOR, RASDAN AHMAD dan AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**PETALING JAYA** - Dewan Rakyat di sini semalam meluluskan Belanjawan 2021 atau Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 peringkat dasar selepas mendapat undian majoriti oleh Ahli-Ahli Parlimen.

Keputusan itu sekali gus meyakinkan beberapa peruntukan tambahan diluluskan termasuk dua isu yang mendapat perhatian rakyat membabitkan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan lanjutan moratorium.

Ia turut menamatkan spekulasi mengenai kedudukan kerajaan Perikatan Nasional (PN) pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sebelum ini dikatakan akan tumbang sekiranya Belanjawan 2021 ditolak.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun menggunakan keputusan itu pada pukul 3.28 petang selepas kira-kira satu jam Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdi Aziz membentangkan pengumuman untuk bacaan kali kedua.

Bagaimanapun, beberapa Ahli Parlimen membangkang bangun dan mencadangkan undian secara belah bahagi, namun usaha berkenaan gagal selepas hanya 13 Ahli Parlimen yang bangun untuk menyokong usul berkenaan.

Pengundian secara belah bahagi untuk kelulusan RUU Perbekalan 2021 boleh diadakan sekiranya terdapat 15 Ahli Parlimen bangun menyokong usul tersebut.

Belanjawan 2021 yang dibentangkan pada 6 November 2020 telah dibahaskan di peringkat dasar selama lapan hari bermula 9 November lalu.

RUU berkenaan akan dibahas



TENGGU ZAFRUL semasa membuat ucapan pengumuman Belanjawan 2021 di Parlimen semalam.

semula di peringkat jawatankuasa sebelum pengundian dilakukan sekali lagi minggu hadapan.

Pada sesi pengumuman semalam, Tengku Zafrul mengumumkan bahawa kerajaan akan memperluaskan pengeluaran skim i-Sinar daripada Akaun 1 KWSP kepada semua ahli yang terjejas pendapatan akibat pandemik Covid-19.

Peruntukan sebanyak RM70 bilion itu dilangka memanfaatkan seramai 8 juta ahli tanpa mengira mereka yang hilang pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan pada tahun ini.

"Setelah berbincang dengan pengurusan KWSP pagi tadi (semalam), sukacita diumumkan bahawa program i-Sinar kini dibuka dan diperluaskan kepada semua ahli yang terjejas pendapatan mereka.

"Daripada 2 juta ahli KWSP

yang layak mengeluarkan Akaun 1 sebelum ini, i-Sinar kini dibuka kepada lebih 8 juta ahli KWSP.

Ahli KWSP layak menobatkan pengetahuan tanpa mengira mereka pekerja di sektor formal atau bekerja sendiri," katanya.

Selain itu katanya, kerajaan juga akan memberi lanjutan moratorium bank secara automatik kepada golongan B40 dan golongan peniaga kecil.

Katanya, golongan M40 pula hanya perlu buat pertisydharan diri tanpa perlu sebarang dokumen.

"Kerajaan berpendapat tidak adil untuk orang kaya yang mampu membayar pinjaman diberi moratorium, pinjaman.

"Bukankah lebih baik mereka membayar hutang supaya duit masuk ke dalam sistem per-bank untuk menajara lebih banyak pinjaman, khususnya kepada perniagaan dan industri

yang menampung dan mencipta pekerjaan kepada rakyat," tambahnya.

Mengenal butiran khas kepada petugas barisan hadapan, beliau berkata, kerajaan bersejua memperluaskan bantuan secara one-off sebanyak RM900 kepada petugas barisan hadapan yang lain.

"Dalam ucapan Belanjawan 2021 sebelum ini, kerajaan memperuntukkan bantuan khas one-off RM500 kepada petugas barisan hadapan KKM sahaja.

"Justeru, saya umumkan kerajaan telah bersejua untuk memperluaskan bantuan khas secara one-off ini sebanyak RM300 kepada semua petugas barisan hadapan yang lain termasuklah kepada Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan sebagainya," katanya.

## Imbuhan tambahan Belanjawan 2021

- Moratorium dilanjutkan secara automatik kepada golongan B40 dan pertiagaan kecil. Cokongan M40 perlu membuat pertisydharan sendiri tanpa perlu sebarang dokumen
- Program i-Sinar KWSP diperluas kepada 8 juta ahli yang terjejas dengan jurmian pengeluaran maksimum RM10,000
- Bantuan khas one-off sebanyak RM900 kepada petugas barisan hadapan lain
- Peruntukan kepada Jabatan Hal-Ehwal Khas (Jas) yang dijanamakan semula sebagai I-Kom dikurangkan
- Program eBelia meningkat daripada RM50 kepada RM100 ringgit dan dipanjangkan kepada 1.7 juta mahasiswa termasuk yang berumur lebih daripada 20 tahun
- Dana tambahan berjumlah RM50 juta kepada Sabah untuk memerangi wabak Covid-19
- Kategori penerima one-off Pesara Polis yang menerima Pinjat Jasa Pahawan Negara (PJPN) diperluaskan kepada kategori Pesara dan Bekas Polis dengan penerima tambahan dianggarkan seramai 40,000
- Dana bantuan khas pesawah yang dilanda banjir sebanyak RM60 juta
- Kadar Elaun Sara Hidup Nelayan Darat dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan bagi 3,400 ahli yang berdaftar
- Kadar elaun penumahan untuk penjawat awam di Sabah, Sarawak dan Semenanjung dikaji dan diselesaikan
- Potongan cukai khas bagi penjawatan sewa premis kepada PKS dilanjutkan enam bulan lagi sehingga Mac-2021 bagi membantu PKS yang terkesan akibat lanjutan PKPB

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

# Peruntuk RM80j untuk Tabung Bencana Pertanian

**Kerajaan** bercadang menyediakan peruntukan RM80 juta untuk Tabung Bencana Pertanian dalam usaha membantu golongan berkenaan yang terkesan akibat bencana alam.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata bantuan khas itu dijangka dapat memanfaatkan petani merangkumi pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun serta penternak yang kehilangan pengeluaran hasil tanaman.


“Sektor pertanian adalah penyumbang asas kepada pembentukan ekonomi Malaysia dalam menjamin bekalan makanan mencukupi dan selamat kepada rakyat.

“Ta tidak pernah dipinggirkan kerajaan, malah sentiasa menjadi agenda utama dalam memastikan pengusaha dapat meningkatkan taraf hidup dan membantu menambah pendapatan,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 peringkat dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan juga akan menaikkan kadar elaun sara hidup nelayan darat daripada RM200 kepada RM250 sebulan.

Katanya, peningkatan kadar elaun itu akan memanfaatkan 3,400 nelayan darat berdaftar.

“Nelayan berperanan penting dalam meningkatkan pembangunan dan ekonomi industri peri-

 **Bantuan khas itu dijangka dapat memanfaatkan petani merangkumi pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun serta penternak yang hilang pengeluaran hasil tanaman.**

**Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz,**  
Menteri Kewangan

kanan, selain membantu memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

“Perdana Menteri sebelum ini sudah mengumumkan kenaikan elaun sara hidup nelayan daripada RM250 kepada RM300 sebulan yang memanfaatkan lebih 40,000 nelayan.

“Justeru, kerajaan juga bercadang menaikkan kadar elaun sara hidup nelayan darat,” katanya.

Bagi pekebun kecil getah, Tengku Zafrul berkata, bantuan musim tengkujuh (BMT) akan diteruskan dengan RM300 sebulan akan dibayar bulan depan, Januari 2021 dan Disember 2021.

## Jabatan Perikanan Pahang lepas benih ikan di 10 sungai

**Pekan:** Jabatan Perikanan Pahang melepaskan 61,300 benih ikan pelbagai spesies di 10 sungai utama di negeri ini secara serentak, kelmarin.

Pengarahnya Abdullah Jaafar, berkata antara sungai utama menjadi lokasi program pelepasan benih ialah Sungai Benus, Kampung Janda Baik, Bentong yang membabitkan sebanyak 11,300 benih ikan kelah dan lampam sungai.

Katanya, program sama diadakan di Tasik Selemang, Kampung Gua, Lipis dan Sungai Klau, Felda Lembah Klau, Raub membabitkan 10,000 benih ikan lampam sungai.

Selain itu, di Sungai Kiol, Jerantut 5,000 benih ikan lampam sungai dan Sungai Pahang di Kampung Bangau Tanjung, Temerloh (6,000) benih ikan baung dan lampam sungai.

Pelepasan di Sungai Pahang di Kampung Lubuk Paku, Maran membabitkan 5,000 benih ikan lampam sungai.

Sementara itu, masing-masing 6,000 benih ikan baung dan lampam sungai dilepaskan di Sungai Bera, Bera; Sungai Pahang di Kampung Padang Rumbia, Pekan; di Sungai Keratong di Kampung Rekoh, Rompin dan di Sungai Ulu Kuantan di Kawasan Rekreasi Pasir Puteri, Kuantan.

"Program itu bertujuan memulihara, meningkat dan menjamin kelestarian sumber perikanan sungai, di negeri ini.

"Selain itu, ia dapat meningkatkan sumber pendapatan komuniti setempat khususnya nelayan darat," katanya, di sini.

Setiap tahun program pelepasan benih ikan diadakan di sungai utama di negeri ini yang turut mendapat sokongan masyarakat



**Program itu bertujuan memulihara, meningkat dan menjamin kelestarian sumber perikanan sungai, di negeri ini. Ia juga dapat meningkatkan sumber pendapatan komuniti setempat.**

**Abdullah Jaafar,**  
Pegawai Jabatan Perikanan Pahang

setempat dan nelayan sungai. Jabatan bertanggungjawab menyediakan benih.

Dalam tempoh enam bulan hingga setahun selepas program pelepasan, ikan boleh dituai dan ketika itu semua pihak perlu bekerjasama memantau kegiatan diluar seperti menuba dan menggunakan arus elektrik.

"Saya berharap masyarakat dan nelayan menjadi mata dan telinga jabatan dalam menyalurkan maklumat apa jua kegiatan menyalahi undang-undang," katanya.



**Sebanyak 61,300 benih ikan pelbagai spesies ditepaskan Jabatan Perikanan Pahang di sungai utama secara serentak, kelmarin.**

(Foto Mohd Rafi Mamat/PH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ KEDAH/ P.PINANG	30

## Tiga kontena daging kerbau sejuk beku dari India disita

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang telah menyita tiga kontena yang membawa daging kerbau sejuk beku dari India yang bernilai lebih RM1 juta di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada Selasa lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, rampasan dibuat hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh pegawai penguatkuasa Maqis selepas mendapati kesemua konsainan berkenaan tidak mematuhi syarat permit import.

Menurutnya, sebanyak 83,988 kilogram (kg) daging kerbau sejuk beku dikesan disimpan dalam tiga buah kontena terbabit.

“Pemeriksaan yang dilakukan kesemua konsainan berkenaan tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan oleh Maqis.

“Kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan pada permit import ini adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 15(2), Akta yang sama.

“Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) tahun atau kedua-duanya,” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

# Platform digital bantu usahawan

Agrobazaar online berjaya catat nilai jualan RM8 juta sejak 2015

## KUALA LUMPUR

Selaras dengan perkembangan teknologi dan peningkatan trend pembelian secara dalam talian, Agrobazaar Online yang dibangunkan serta diruskan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM8 juta sejak mula beroperasi pada tahun 2015.

Agrobazaar Online merupakan platform untuk usahawan-usahawan memasarkan produk serta perkhidmatan berasaskan pertanian secara maya kepada pelanggan dan pengguna.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli kepada angka faktor mendorong trend pembelian jualan itu adalah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berubah kepada

pembelian secara dalam talian. "Semasa PKP pertama dikuatkuasakan, pengguna dilihat sukar untuk mendapatkan barangan segar dan keperluan dapur terutamanya hampir kesemua outlet peruncitan fizikal seperti pasar awam dan pasar tani ditutup atas arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Di kedai runcit dan pasar raya, pengguna yang perlu berbelanja dan dihadkan kemasukan ke dalam premis bagi menjaga penjagaan fizikal," katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru katanya, FAMA dengan kerjasama MKN mengambil inisiatif membuat hebahank kepada pengguna untuk mendapatkan barangan segar melalui Agrobazaar Online.

"Agrobazaar Online berjaya catatkan nilai jualan RM2.17 juta mulai 18 Mac hingga 8 November lepas.

"Ia melibatkan pecahan nilai jualan produk segar dan industri asas tani (IAT) masing-masing sebanyak RM1.18 juta dan RM0.99 juta melibatkan 41,654 servis penghantaran sepanjang tempoh itu," katanya.



Usahawan dapat memasarkan produk pertanian secara online melalui Agrobazaar.

Mengulas lanjut, Zainal Abidin berkata, portal Agrobazaar Online hampir sesak dan aliran trafik untuk memasuki portal itu juga tinggi hasil impak sebaran Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang dijalankan MKN.

Atas dasar itu, katanya, FAMA bekerjasama dengan platform e-dagang lain seperti Lazada, Shopee, Foodpanda, dan

lain-lain yang bertujuan memudahkan pengguna mendapatkan barangan segar.

"FAMA turut bekerjasama dengan syarikat logistik seperti Pos Malaysia, Lalamove dan Go-Get bagi memudahkan urusan pengambilan dan penghantaran bagi penjual dan pembeli.

"FAMA juga sedang merangka kolaboratif dalam melatih

usahawan membangunkan sendiri laman web e-dagang melalui platform Shoppergram, Com dan eFAMAPlace," katanya.

Pada masa sama, Zainal Abidin berkata FAMA telah mengadakan 49 sesi libat urus bersama usahawan di seluruh negara, sehingga Oktober lepas.

"Outlet-outlet usahawan bimbingan FAMA ini juga dijadikan sebagai tempat pengumpulan dan pemasaran dalam talian bagi pengguna mendapatkan produk agromakanan secara online.

"Selain itu, terdapat juga pembangunan Agrohubs di lima lokasi baharu bagi Fasa 1 iaitu Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah yang menggunakan konsep Agrohubs di MyKopie Satu, Selayang," katanya.

Jelasnya, secara keseluruhan, FAMA berjaya mencatatkan nilai jualan RM71.58 juta menerusi outlet pemasaran seperti Agrobazaar Online, Pusat Operasi FAMA/FAMA Co., Pasar Segar Terkawal/Pasar Tani Kekal (lokasi terpilih), MyFarm Outlet, Agrobazaar Kedai Rakyat dan Agrobazaar Rakyat. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

*Sidang Dewan Rakyat*

# Agrobank biaya RM1.3b bantu pengusaha mikro

Bank tawar pelbagai kemudahan sokong usahawan harungi cabaran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my



**Ronald Kiandee**

**Kuala Lumpur:** Agrobank menyalurkan pembiayaan bernilai RM1.3 bilion kepada 39,130 pengusaha mikro setakat 30 Oktober lalu dalam usaha membantu usahawan sektor pertanian dan industri makanan mengharungi cabaran ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata Agrobank turut menawarkan pelbagai kemudahan kewangan kepada usahawan terbabit dalam aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan bagi berdepan cabaran ekonomi pasca wabak itu.

"Pertama adalah Skim Pembiayaan Mikro Kredit di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Ne-

gara (PENJANA) yang mana skim ini menawarkan kemudahan pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar faedah rendah iaitu 3.5 peratus.

"Had pembiayaan adalah minimum RM1,000 dan maksimum RM50,000 bagi setiap individu dan tempoh pembiayaan adalah hingga lima tahun atau 60 bulan.

"Hingga 22 November lalu, lebih 8,000 permohonan dengan jumlah pembiayaan bernilai RM73 juta sudah diluluskan," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (BERSATU-Bukit Gantang) yang meminta kerajaan

menyatakan peranan dimainkan Agrobank dalam membantu usahawan mikro berdepan cabaran ekonomi akibat penularan COVID-19.

Ronald berkata, Agrobank turut menawarkan pembiayaan enam bulan ansuran awal untuk akaun sedia ada atau akaun baharu menerusi program Agrobank Microenterprises Special Relief manakala pelanggan tidak perlu membayar enam bulan pertama skim pembiayaan terbabit.

"Tempoh enam bulan terbabit membolehkan usahawan mikro memberi tumpuan sepenuhnya dalam memulihkan kembali aliran tunai pendapatan bagi enam bulan akan datang.

"Bagi tempoh Januari hingga Oktober lalu, Agrobank sudah meluluskan lebih 4,600 permohonan di bawah dana sedia ada dengan jumlah pembiayaan keseluruhan bernilai RM203 juta," katanya.

Selain itu, katanya Agrobank menyediakan kemudahan pembiayaan khusus kepada usahawan muda melalui Program Agropreneur Muda dengan menyediakan pinjaman maksimum sehingga RM200,000 bagi projek pertanian.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

**NAFAS dilantik** pemborong tunggal bagi menyelesaikan isu manipulasi dan eksploitasi dalam pembekalan benih padi sah.  
(Foto hiasan)



## NAFAS dilantik pemborong tunggal insentif benih padi

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan dilantik sebagai pemborong tunggal di bawah program Insentif Benih Padi Sah untuk membuat pembekalan terus kepada pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata mekanisme itu akan dapat menyelesaikan masalah manipulasi dan eksploitasi dalam pembekalan benih padi sah.

Kaedah pemutuan sebenar melalui prosedur operasi standard (SOP) yang dibangunkan kementerian dengan kerjasama SIRIM turut diperkenalkan bagi menyelesaikan isu kadar potongan yang

dikenakan dalam pemutuan padi.

“SOP ini bagi memastikan padi dijual adalah padi bersih dan berkualiti serta dapat memastikan kerajaan tidak membayar Subsidi Harga Padi berdasarkan padi kasar yang mengandungi segala komponen tidak diinginkan dan sekali gus mengelakkan ketirisan pembayaran subsidi kerajaan.

“Semua kilang padi termasuk Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan swasta perlu melaksanakan pemutuan padi berdasarkan SOP ini,” katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 peringkat dasar bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

## DEWAN RAKYAT: NAFAS DILANTIK PEMBORONG TUNGGAL INSENTIF BENIH PADI



Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal di bawah program Insentif Benih Padi Sah untuk membuat pembekalan terus kepada pesawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, mekanisme ini akan dapat menyelesaikan

masalah manipulasi dan eksploitasi dalam pembekalan benih padi sah.

Beliau berkata, kaedah pemutuan sebenar melalui prosedur operasi standard (SOP) yang dibangunkan kementerian dengan kerjasama SIRIM turut diperkenalkan bagi menyelesaikan isu kadar potongan yang dikenakan dalam pemutuan padi.

"SOP ini bagi memastikan padi dijual adalah padi bersih dan berkualiti serta dapat memastikan kerajaan tidak membayar Subsidi Harga Padi berdasarkan padi kasar yang mengandungi segala komponen tidak diingini dan sekali gus mengelakkan ketirisan pembayaran subsidi kerajaan.

"Semua kilang padi termasuk Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan swasta perlu melaksanakan pemutuan padi berdasarkan SOP ini," katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 peringkat dasar bagi kementeriannya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Dalam pada itu, Ronald berkata, secara keseluruhannya, peruntukan diluluskan kepada kementeriannya hanya menurun sebanyak RM100 juta atau dua peratus berbanding dengan tahun 2020, membabitkan perbelanjaan mengurus dengan peruntukan yang diluluskan menurun sebanyak RM250 juta atau tujuh peratus berbanding tahun lalu.

"Penurunan di bawah perbelanjaan mengurus disebabkan pengurangan terutama bagi peruntukan membabitkan emolumen dan pembelian aset.

"Bagi perbelanjaan pembangunan, peruntukan diluluskan bertambah sebanyak RM0.15 bilion atau bersamaan dengan 11 peratus berbanding tahun 2020.

"Biarpun terdapat pengurangan bagi peruntukan mengurus, kementerian katanya akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Belanjawan.

"Bagi tahun 2021 dengan efektif bagi memastikan sektor agromakanan terus positif di setiap peringkat rantai makanan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2020	NST	NEWS/NEWS IN BRIEF	10

## Freshwater fish lovers enjoying monsoon windfall

**TANAH MERAH:** While the monsoon season may spell disaster for many, freshwater fish lovers are enjoying the 'windfall' as the overflowing rivers bring along with them a bounty of fish. It is a boon to net a good catch of various freshwater species, such as catfish, *puyu*, *baung*, carp, eel and *haruan*. Checks by Bernama at several padi fields have found many people fishing using rods and nets, with the catch sold to buyers or freshwater fish lovers waiting by the field. Mohd Faizal Roshisyam Abdul Hamid, 42, from Kampung Chawas here, said he came to the field every year to catch fish with his friends using trawl nets, and could usually get between 30 to 40 fishes per day. "Depending on the type of fish, it is usually sold for between RM15 and RM20 per kg."

**Bernama**